



■ DATUK SERI NAJIB



■ TAN SRI MUHAMAD TAIB



■ DATUK SABARUDDIN

REBUT KERUSI PRESIDEN PESAKA

Pertarungan empat penjurur

29 OCT 1989

Oleh MOHD RAHIME YUSOF

B. Minggu (M) 4

PRESIDEN Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) Datuk Haji Abdul Rahman Mahmud, dijangka menghadapi cabaran tiga calon lain bagi mempertahankan jawatan itu, pada mesyuarat agung Pesaka, yang dijadual berlangsung Disember ini.

Selangor membayangkan kemungkinan mencalonkan Menteri Besarnya, Tan Sri Haji Muhamad Haji Muhamad Taib, manakala Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, Datuk Sabaruddin Chik akan dicalonkan oleh Pahang.

Kelantan pula berminat untuk mencalonkan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Najib Tun Razak untuk jawatan berkenaan.

Selain itu, Majlis Silat Negeri Johor (MSSNJ) dikatakan serba salah sama ada mahu mencalonkan lagi Datuk Abdul Rahman atau memilih calon lain, iaitu Menteri Besar, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Datuk Abdul Rahman menerajui Pesaka sejak 1986. Selepas pemilihan tiga tahun lalu, Pesaka gagal mengadakan mesyuarat agung pemilihan kerana dikatakan sibuk dengan pelbagai kejohanan.

Harian Sukan difahamkan, tindakan ahli-ahli gabungan mahu mengemukakan calon masing-masing kerana mendakwa kepimpinan Pesaka sekarang terlalu lemah, hingga gagal menganjurkan mesyuarat yang sepatutnya diadakan pada tahun lalu itu.

Sumber-sumber ahli gabungan itu mendakwa, kegagalan Majlis Seni Silat Negeri Melaka (MSSNM) menjadi tuan rumah Kejuaran Silat Kebangsaan ke-5, disebabkan tidak mendapat sokongan kewangan kerajaan negeri.

Menurut sumber-sumber itu, Datuk Seri Najib sebelum ini dikatakan cukup berminat untuk memimpin pertubuhan seni mempertahankan diri.

Jika Menteri Belia dan Sukan itu bersetuju untuk dicalonkan, beliau dijangka berdepan dengan Datuk Abdul Rahman saja, sementara dua lagi akan mengundur diri.



■ DATUK ABDUL RAHMAN